



Alessia CRUCIANI

MIDORI KUMA DAN PERLUMBAAN YANG SANGAT ISTIMEWA



kaspersky

MIDORI KUMA
DAN PERLUMBAAN
YANG SANGAT ISTIMEWA

Alessia CRUCIANI

MIDORI KUMA

DAN PERLUMBAAN YANG sangat istimewa



kaspersky



Midori Kuma

Beruang berwarna hijau yang sungguh istimewa. Beruang ini mudah mesra dan sangat baik, jadi Midori Kuma mudah disayangi oleh sesiapa sahaja.

Lola

Berambut merah yang membuatnya kelihatan riang dan ceria. Dia juga prihatin dan tidak mudah diperdaya.



Peter

Sepupu Lola. Dia sentiasa membawa telefon pintar model terkini dan sangat meminati teknologi baharu.

Steve

Bapa Lola yang bertugas sebagai wartawan. Jika dia perlu bertugas di luar kawasan, dia akan membawa anaknya dan anak saudaranya bersama.



Olivia

Pemandu go-kart yang sedang meningkat naik. Berkat keazamannya, dia selalu mendapat tempat pertama dalam perlumbaan.



Max

Pemandu hebat yang akhir-akhir ini suka bergaduh dengan semua orang. Apa sudah jadi dengannya?

Daniel

Baik dan murah hati. Dia memandu go-kart dengan berhati-hati dan merupakan jaguh sejati di litar.



Bob

Mekanik kepada Olivia yang merupakan seorang datuk yang bijak dan memahami sehingga semua kanak-kanak begitu menyukainya.



PENGEMBARAAN BERKELAJUAN TINGGI



Sesuatu yang istimewa akan berlaku. Lola dapat mengagaknyanya apabila melihat riak wajah ayahnya ketika pulang dari tempat kerja.

Gadis cilik itu cuba meneka. Entah-entah, ayahnya menyembunyikan hadiah. Dia yakin ada suatu kejutan kerana ayahnya Steve tidak pandai menyembunyikan perasaan, hakikat yang tidak disedari olehnya sendiri. Riak wajahnya menggambarkan sesuatu. Setiap kali dia hendak memberikan sesuatu kepada anaknya, dia cuba berlagak selamba tetapi sukar untuk menahan senyum.

“Lola, siapkan beg pakaian kamu! Bawa pakaian sukan, ya,” kata Steve sambil duduk di sofa bersebelahan Lola sebelum mengambil alat kawalan jauh TV daripada tangan anaknya. Bukan untuk menyakat, tetapi untuk mengalih perhatiannya.





Sebenarnya, kalau ayahnya tak berbuat begitu pun perasaan ingin tahu Lola sudah membuak-buak.

Jika dilihat dari belakang, si ayah dan si anak itu sukar dibezakan kerana kedua-duanya mempunyai rambut keriting merah.

“Berapa lama kita akan pergi?” tanya Lola sambil membetulkan cermin matanya yang berwarna hijau. Dia begitu suka akan cermin mata itu kerana ibunya memilih bingkai berbucu di hujung seperti mata kucing. Tambahan pula, apabila wajah Lola yang penuh jeragat memakainya, cermin mata itu





kelihatan sangat cantik.

“Kali ini ada perlumbaan laju yang akan berlangsung sepanjang hujung minggu ini. Bukan kita berdua saja yang akan ke sana,” kata Steve yang seronok melihat wajah penuh rasa ingin tahu anaknya itu.

“Siapa lagi yang ikut kita, ayah? Perlumbaan laju tu apa?”

“Mestilah kita kena ajak sepupu kamu, kalau tidak nanti dia akan merajuk.”

“Wah, dah lama saya tak jumpa Peter... Agaknya dah panjang rambut dia! Dulu dia kata, dia tak nak potong rambut lagi. Kalaulah saya ada telefon bimbit macam yang dia dapat masa hari lahirnya, boleh kami bertanya khabar dan buat panggilan video setiap hari...” tambah Lola lagi. Sungguhpun Lola baru berusia lapan tahun, namun dia budak yang geliga!

Namun, Steve tidak mudah terperangkap. Sudah berbulan-bulan anaknya itu memujuk untuk mendapatkan telefon bimbit agar dia boleh berbual dengan kawan-kawan dan membuat video dia menari. Akan tetapi, kedua ibu bapanya memberitahu bahawa dia masih kecil. Kata mereka, hampir semua kanak-kanak menggunakan telefon





sedangkan mereka belum boleh mempunyai profil sosial. Begitu juga dengan sepupunya, Peter, yang mendapat telefon pintar dilengkapi empat buah kamera pada hari lahirnya yang ke-10.

“Kamu boleh gunakan telefon ayah untuk berhubung dengannya,” kata Steve sambil menghulurkan telefon bimbitnya. “Lekas Lola, beritahu dia yang kita nak jemput dia. Emaknya dah tahu tentang hal ini. Di dalam kereta nanti, ayah akan jelaskan semuanya.” Anak kecil

itu berasa amat teruja apabila mengetahui yang dia akan keluar bersama-sama sepupu kesayangannya itu selama tiga hari. Jadi, dia tidak mahu terus mendesak ayahnya untuk mendapatkan telefon pintar. Namun, Steve tahu keadaan itu sekejap sahaja. Lola





akan menggunakan segala kesempatan yang ada kerana semua kawannya memiliki telefon sedangkan dia hanya dibenarkan menggunakan tablet orang tuanya (itu pun jika mereka tidak menggunakannya). Pada tahun lepas, dia cuba minta sempena hari lahirnya, setiap kali dia mendapat markah yang baik di sekolah, malah apabila giginya tercabut pun dia minta. Namun sia-sia belaka. Steve dan isterinya, Anne tidak peduli.

“Bagasi” pertama yang dibawa oleh Lola ialah Midori Kuma, beruang istimewa yang bulunya berwarna hijau berasal dari Jepun.

Kerana berasa sangat senang hati, Midori Kuma menggaru perutnya, perilaku biasa apabila dia berasa gembira. Nampak sangat beruang itu mahu mengikut Lola!

Sebaliknya, apabila berasa cemas, risau, atau marah, Midori Kuma akan menggaru belakang kepalanya. Lola sudah dapat membaca gerak-geri beruang itu dengan mudah: ditambah lagi dengan matanya yang mencerminkan perasaannya, seolah-olah dia boleh berkata-kata. Bukan itu sahaja, Midori Kuma boleh berjalan walaupun sebenarnya beruang itu lebih suka melompat. Beruang hijau ini bukan sahaja sangat baik dan mesra, malah





gagah dan pelindung, serta bijaksana tanpa pernah membosankan. Pendek kata, Lola dan seluruh keluarganya tidak dapat hidup tanpa beruang itu! Malah, kedua ibu-bapa Lola merasakan beruang itu mampu melindungi anak mereka daripada apa-apa sahaja.

Maka Midori Kuma pun duduklah di dalam kereta tatkala mereka menuju ke rumah Peter. Lola memberitahu ayahnya yang dia mahu makan piza dan kentang goreng pada malam itu. Namun, Steve tidak mahu menuruti keinginannya kerana dia tahu makanan itu akan membuat anaknya sakit perut, seperti yang berlaku pada minggu lepas setelah Lola makan coklat dan aiskrim lemon yang sangat banyak. Gabungan makanan yang tidak sesuai.

“Bukan coklat dan lemon, ayah! Gula-gula dan lemon,” Lola membetulkan ayahnya.

Midori Kuma membeliakkan mata dan menggaru kepalanya, seolah-olah hendak mengatakan makanan itu memang akan membuat seseorang sakit perut, seperti juga apabila makan kentang goreng dan piza. Beruang itu buat-buat menyuap makanan kepada Lola. Itulah cara yang dilakukan





untuk memujuknya jika dia meminta makanan bukan-bukan.

Midori Kuma menyuapkan makanan olok-olok yang tidak mendatangkan mudarat.

“Terima kasih, chef!” kata anak kecil itu sambil membelainya manja. “Saya dapat rasa keenakan kentang goreng yang diletakkan sos tomato dan keju mozarella!” Midori Kuma yang berasa senang, menggaru perutnya sekali lagi.

“Tak habis-habis dengan makanan olok-olok? Kamu sedang berdietkah?” seloroh Peter sambil memasuki kereta dan memberikan tepuk ria kepada setiap orang dengan tangan kanannya (tangan kiri Peter memegang erat telefon pintar yang sentiasa ada bersamanya). Rambutnya yang berwarna hitam agak panjang dan kelihatan tidak terurus.

“Sekurang-kurangnya makanan olok-olok tak memudaratkan. Ada benda yang wujud tapi boleh mendatangkan masalah besar,” balas Steve sambil menjeling ke arah telefon baharu Peter.





“Apa maksud ayah?” tanya Lola sambil mengusik-usik rambut sepupunya, membuat rambut budak lelaki itu semakin kusut.

“Bukan semua yang kita tak nampak itu tak wujud. Kadang-kadang, sesuatu itu memudaratkan walaupun kita tidak tahu bagaimana rupanya. Tapi kalau kita berhati-hati, kita dapat mengelak daripada sakit perut,” jawab bapanya.

Lola dan Peter tercengang dan saling berpandangan untuk melihat sama ada masing-masing faham atau tidak dengan kata-kata aneh itu.

“Tiba masanya nanti, ayah akan jelaskan maksudnya,” usik Steve kepada mereka.

Steve bertugas sebagai wartawan, dan dia diarahkan untuk pergi ke litar go-kart yang lebih kecil daripada litar Formula 1, tempat yang dijadualkan berlangsungnya acara penting





perlumbaan peringkat kanak-kanak. Para peserta cilik akan memandu go-kart, iaitu kenderaan kecil yang merupakan langkah pertama bagi mereka yang mahu menjadi pemandu profesional.

Steve dikehendaki menemu bual dan bertanya tentang impian masa depan para jaguh dalam perlumbaan ini.

Perlumbaan ini akan berlangsung selama tiga hari: Jumaat khusus untuk menguji, iaitu bakat cilik akan turun ke litar untuk melihat selok-belok litar dan cara melengkapkan pusingan dalam masa yang paling singkat. Pusingan kelayakan berlangsung pada Sabtu, iaitu setiap pemandu akan berlumba untuk melayakkan diri berada di petak hadapan. Perlumbaan yang sebenar akan berlangsung pada hari Ahad.

“Peter, cuba cari gambar karp di Internet. Saya nak tengok macam mana rupanya,” pinta Lola yang tidak tahu bahawa kanak-kanak juga boleh berlumba di litar.

“Bukan karp, tapi kart!” kata si bapa, membetulkannya.





Beberapa ketika kemudian, Peter menemukan sekeping gambar dalam talian: “Nah, cuba tengok cara pemandu duduk: punggung mereka hampir terkena landasan!” katanya, berasa amat teruja kerana akan berpeluang melihat perlumbaan sebenar. Selama ini dia hanya menonton perlumbaan kereta di TV.

Setelah menjawab beberapa soalan dan menyediakan senarai perkara yang boleh dibuat dan tidak boleh dibuat agar tidak mengganggu mereka yang sedang bertugas di litar, Steve melihat cermin pandang belakang dan mendapati anak-anak kecil itu sudah terlena.

Sebaik sahaja kereta Steve tiba di litar, Lola, Peter, dan Midori Kuma terus terjaga, seolah-olah dikejutkan oleh penggera. Keadaan di litar sangat bising.

Tiga sekawan itu melekapkan wajah masing-masing pada tingkap kereta. Mereka tidak sabar untuk keluar dan melihat sejauh mana kehebatan kereta kecil itu. Namun yang paling mempesonakan ialah suasana di tempat itu.

Kanak-kanak mengenakan pakaian seperti jaguh Formula 1, dengan topi keledar yang





membuat mereka kelihatan seperti makhluk asing: kepala besar, tetapi badan kecil. Litar pula berliku-liku, tayar tersusun di tepi laluan trek, dan yang paling utama, keterujaan mereka kerana dapat menyaksikan sesuatu yang baharu dan luar biasa.

“Perlukah kita ambil ujian sebelum memandu gart?” tanya Lola.


“Kenderaan ini dipanggil go-kart!” Kali ini Peter pula yang membetulkannya sambil ketawa.





“Kita perlu ada lesen untuk berlumba, macam lesen memandu. Selain itu, kita juga perlukan alat perlindungan yang sepatutnya, barulah kita boleh sewa go-kart,” jelas Steve.

Seperti biasa, kerana ingin tahu, Lola mengajukan soalan bertubi-tubi. “Kenapa tayar diletakkan di tepi laluan trek? Adakah kita perlu memakai topi keledar? Macam mana kita nak pecut? Mereka tak takutkah? Ayah, boleh tak belikan saya sut juruterbang untuk saya pergi ke planet Marikh?”





Steve dan Peter ketawa terbahak-bahak sementara Midori Kuma menggaru perutnya. Lola masih tidak pandai menyebut “kart”. Namun, mereka yakin dua perkara: pertama, menjelang Ahad, Lola akan ingat perkataan baharu itu. Kedua, sepertimana dia mahukan telefon bimbit, dia juga mahu belajar memandu go-kart. Malah, bukan dia seorang sahaja begitu.



Hoi, JANGANLAH TOLAK



Peter berasa kagum melihat kanak-kanak yang sebaya dengannya dapat memandu. “Mereka nampak seperti orang dewasa. Satu, kerana cara mereka memandu, kedua disebabkan mereka memakai topi keledar, kita tak dapat tahu siapa mereka!” katanya dengan penuh bersemangat. Dia sudah jatuh hati dengan dunia go-kart dan tidak sabar-sabar lagi

untuk berkongsi pengalaman

yang sangat mengujakan

itu bersama rakan

sekelasnya. Dengan

telefon pintarnya,

Peter merakamkan

gambar kanak-

kanak di litar,

bahkan merakamkan

beberapa buah video.





Sejurus kemudian, dia berkongsi semuanya di media sosial.

“Wah, hebatnya alat kamu. Betulkah kamu tahu mengendalikannya?” Seorang lelaki yang sudah berusia bertanya semasa dia melintas di situ sambil tersenyum di sebalik misainya yang beruban. Dia tidak menunggu jawapan Peter dan terus berjalan menuju ke arah seorang pemandu yang sedang memandu keluar dari litar secara perlahan-lahan untuk memarkir go-kartnya.

“Dia bercakap dengan sayakah?” tanya Peter dengan kuat.

“Rasanya begitu,” jawab Lola. “Dia kata alat awak ...”

“Alat apa bendanya! Kan bagus kalau saya ada go-kart. Bolehlah saya memandu di litar ini!” balas sepupunya.

Sekali lagi Midori Kuma menggaru perutnya.

“Agaknya dia ingat awak pemandu, yang memandu trak dengan laju,” Lola meneka, dan sekali lagi Peter ketawa.

“Kart, Lola!” dia mengingatkan sepupunya.






“Dia tahu awak suka melakukan sesuatu dengan pantas, macam awak siapkan kerja sekolah dalam masa lima minit,” Lola berjenaka.

“Tidaaak! Saya lebih cepat apabila ingin bergegas pulang dari sekolah setelah loceng dibunyikan,” kata Peter, tersengih dan masih memegang telefon baharunya. Dia tidak membenarkan orang lain menyentuhnya dan sentiasa memegangnya agar tidak tercicir: telefon itu amat mahal dan sangat penting baginya. Dia tidak boleh menghilangkannya atau merosakkannya. Nanti, ibu bapanya tidak akan membeli telefon sehebat itu lagi kepadanya.

“Cuba lihat di sana!” jerit Lola. Pemandu yang baru sahaja keluar dari litar, yang go-kartnya juga diawasi oleh lelaki bermisai tadi sebenarnya bukan lelaki... tetapi perempuan! Comel budaknya. Matanya besar dan berbentuk buah badam. Rambutnya yang berwarna perang didandan dan diselipkan di dalam topi keledar. Lelaki bermisai itu memanggilnya “Olivia”.

Lola, Peter, dan Midori Kuma mendekati kanak-kanak itu untuk mengetahui dengan lebih lanjut. Mereka mendengar budak itu berkata: “Syabas, Pak Cik Bob. Pak cik memang mekanik yang terbaik







di dunia! Selepas pak cik godek-godek, go-kart saya menjadi semakin laju. Pak cik nampak tak saya meninggalkan pelumba lain? Ahad nanti, mereka semua akan tewas di tangan saya!”

Lola berasa amat teruja: rupa-rupanya budak perempuan pun boleh menjadi pemandu! Ini sesuatu yang paling hebat dan sangat mengujakan! Lola tidak menyangka perkara itu, jadi semakin membuak-buaklah keinginannya untuk mencuba. Dia mahu mengenakan baju pelindung dan topi keledar.

Namun sebelum memakai topi keledar, dia mahu menghiasinya dengan warna-warna kegemarannya, seperti yang dibuat oleh jaguh-jaguh muda di situ, masing-masing mengikut cita rasa sendiri.

Selain itu, dia juga mahu... entahlah, dia lupa apa nama benda itu, tetapi dia beria-ia mahu duduk di dalam kereta kecil tersebut dan belajar memandunya. Dia mencari Steve, tetapi semua orang tidak tahu di mana bapa Lola berada. Semasa bapanya bertugas, dia agak sukar dihubungi. Mungkin dia sedang menemu bual ataupun sedang melakukan perkara lain.





Tiba-tiba, lamunan Lola terganggu oleh bunyi yang sangat bising. Dari arah yang dia kurang pasti, kedengaran seseorang menjerit dengan sangat kuat, hampir sama kuat dengan bunyi enjin go-kart. Apa yang sedang berlaku? Tiada pula tanda-tanda berlaku kemalangan di litar. Ada go-kart yang masih berlegar-legar di litar dan ada pemandu yang keluar dari litar untuk berehat atau membetulkan kenderaan.

Lola, Peter, dan Midori Kuma menuju ke arah jeritan tersebut. Begitu juga Olivia dan Pak Cik Bob.

Tidak lama kemudian, barulah mereka tahu hal sebenar yang menyebabkan keadaan menjadi huru-hara. Di luar litar, di satu tempat khas untuk salah sebuah pasukan, terdapat dua orang kanak-kanak yang berwajah masam. Seorang sedang menangis sambil memegang pergelangan tangannya. Seorang lagi nampak bengang kerana dimarahi, seolah-olah perkelahian itu hanya membuang masanya.







“Dia tolak saya hingga rebah. Tangan saya terkena go-kart dan terseliuh. Sakit sangat,” jelas budak itu dengan suara perlahan.

“Saya tak sentuh pun awak. Tiga kali saya minta awak ke tepi! Saya nak pergi ke kereta ibu saya untuk mengambil telefon bimbit,” balas yang seorang lagi dengan nada marah, sambil menyelak rambut hitamnya yang hampir menutup mata.

“Siapa mereka tu? tanya Lola kepada Olivia.

“Daniel dan Max. Mereka dalam pasukan yang sama,” jawab kanak-kanak yang baik dan berambut perang itu. “Tapi akhir-akhir ni, Max semakin gelisah dan agak kasar. Dia tak seperti dulu. Dia sangat baik dan mesra beberapa bulan dahulu. Dia juga yang paling hebat di litar, malah sukar dikalahkan.”

“Tapi, dia dah dapat dikalahkan?” tanya Peter.

“Betul. Beberapa minggu ni, dia seperti memandu tanpa menggunakan injak pemecut, seolah-olah hanya ditolak oleh angin... Itu pun kalau berangin. Anda tahu saya rasa seperti apa: seperti siput yang memakai topi keledar!” Selepas mengeluh panjang, Olivia menambah, “Mungkin dia ada masalah...”





Barangkali Midori Kuma berfikir seperti Olivia: sambil menggaru belakang kepalanya, matanya kelihatan sayu.

“Memang Max ada masalah. Masalah besar,” kata Pak Cik Bob yang kemudian bergegas untuk melihat pergelangan tangan Daniel. Lola mengekorinya kerana dia berasa kasihan andai kata pemandu muda itu tidak lagi dapat memandu... budak itu comel dan dia mahu menyokongnya!

Steve kini berada bersama mereka dan cuba mengetahui apa yang berlaku dengan bertanya kepada beberapa orang ibu bapa di situ.

“Kami sebenarnya tak tahu apa yang tak kena dengan Max. Sebelum ini dia suka membantu kawan-kawannya, baik semasa di litar mahupun di luar litar. Malah dia sedia membantu pemandu lain membuat kerja sekolah termasuk yang paling muda pun. Dialah yang membawa bola untuk mereka bermain setelah selesai ujian di litar,” kata salah seorang bapa.

Seorang wanita mencelah. “Cita-citanya mahu menjadi pemandu Formula 1. Bagi mencapai cita-citanya, dia perlu menjadi pelajar terbaik di kelasnya. Bapanya sentiasa pesan kalau dia corot dalam pelajaran, dia tidak dibenarkan untuk





memandu go-kart lagi. Jadi, dia berusaha untuk menjadi juara, terbaik di sekolah mahupun di litar. Minatnya benar-benar mendalam.”

“Biar saya cerita kenapa dia jadi begitu,” kata seorang lelaki yang datang dengan wajah yang muram. Dia adalah bapa Daniel dan dia baru sahaja didatangi oleh ibu Max untuk memohon maaf atas tindakan anaknya itu. “Ibunya sangat terkejut dan risau. Katanya, beberapa minggu kebelakangan ini, dia sukar mengawal anaknya yang cepat marah. Anaknya hanya tenang kalau dapat bermain permainan video atau menggunakan telefon pintar untuk menonton video atau berbual dengan kawan-kawannya. Tapi apabila ahli keluarga menyuruhnya berhenti bermain telefon dan menumpukan tumpuan dalam pelajaran, ataupun ajak makan bersama-sama, dia akan mencetuskan masalah dan enggan bercakap dengan mereka.”

“Aduh, dah parah ni,” gumam Steve kepada Lola dan Peter. Mata Midori Kuma nampak sangat risau. Kedua-dua sepupu itu tidak faham mengapa perkara yang menyeronokkan seperti permainan video atau telefon bimbit boleh membuat seseorang berubah sebegitu rupa.





“Bukan itu saja,” tambah bapa Daniel lagi.

“Ibu Max juga risau kerana anaknya memberitahu yang dia dah tak berminat menjadi pemandu. Sedangkan selama ini yang paling penting baginya ialah kereta dan go-kart. Dia tak faham kenapa minat anaknya boleh hilang begitu sahaja... Sekali-sekala apabila Max bercerita tentang dirinya, dia beritahu ibunya yang dia ada kawan-kawan baharu yang jauh lebih baik berbanding kawan-kawan di sekolah ataupun kawan-kawan di litar.”

“Nak juga saya jumpa kawan yang lagi baik daripada kami... Bagi saya mustahil,” kata Olivia, agak terkilan dengan kata-kata itu.

Tambah ayah Daniel lagi, “Kasihan ibu Max. Saya kasihan tengok dia bimbang akan anaknya yang asyik bercerita tentang kawan-kawan mayanya. Ahli keluarga Max tak pernah berjumpa dengan mereka dan ada kalanya mereka syak Max hanya mereka-reka semua itu.”





“Sepatutnya mereka larang dia bermain permainan video dan telefon bimbit buat sementara waktu,” kata salah seorang bapa yang berada di situ.

“Itu akan memburukkan lagi keadaan,” kata bapa Daniel. “Mereka pernah melarang Max bermain atau berbual melalui telefon bimbit, jadi budak itu memerap di atas katil dan termenung ke siling macam nampak hantu. Dia hilang selera makan dan ada kalanya tak mahu makan.”

Para ibu bapa pemandu cilik terus bercakap-cakap tentang perubahan yang berlaku pada diri bekas jaguh itu dan mereka bersepakat mahu mencari jalan penyelesaian untuk membantunya. Semua orang berasa terkilan melihat bakat yang hebat dipersia-siakan begitu sahaja.

“Apabila ada teknologi baharu, maka timbullah masalah baharu. Malangnya, kadang-kadang semua itu asing bagi kita,” gumam Pak Cik Bob.





MIDORI KUMA DAN PERLUMBAAN YANG SANGAT ISTIMEWA

Tidak seorang pun mendengar kata-kata Pak Cik Bob yang bijak itu, kecuali Midori Kuma yang lantas mengenyit mata ke arah lelaki itu, kemudian memberinya tepuk ria. Mereka saling memahami. Mereka juga tahu ada banyak lagi dugaan yang mendatang. Pertandingan baru sahaja bermula.



seBUAH alat keCil



Sebenarnya, perlumbaan itu sangat menyeronokkan. Lola dan Peter amat terpesona dengan suasana di litar: itu cuma percubaan dan para pemandu cilik berlatih agar mereka dapat melakukan pusingan yang pantas keesokan harinya. Mereka juga mahu membiasakan diri dengan litar itu untuk perlumbaan pada Ahad nanti. Melihat kesungguhan mereka di litar, Lola dan Peter nampak yang semua orang mahu menjadi yang terbaik. Mereka masih muda tetapi begitu bersungguh-sungguh, dan semua peserta berusaha keras untuk menang. Demi mencapai matlamat ini, mereka memandu dengan keazaman yang tinggi, hinggakan ada kalanya hampir melanggar peraturan.

Midori Kuma menutup mata dengan kedua-dua belah tangan hijaunya apabila dua buah go-kart nyaris berlaga.





“Lihat karf-karf itu. Nanti berlanggar juga tu!” jerit Lola yang berasa bimbang sambil menunjuk ke arah dua buah kenderaan yang sedang memecut dengan sangat rapat.

“Kart, bukan karf! Perkataan itu ada empat huruf saja, kenapalah awak boleh lupa?” Ketawa Peter, yang tidak sedar bahawa Lola sengaja sebut begitu supaya sepupunya ketawa! Setelah melihatnya, Peter terpegun dan kagum: “Macam mana mereka boleh pandu seperti itu tapi tak pula berlanggar?”

“Walaupun saya berasa agak gerun, tapi saya nak cuba memandu!” ulang Lola berkali-kali. Sebelum hujung minggu ini, dia mahu memujuk bapanya agar membenarkannya memandu beberapa pusingan. Sementara itu, dia asyik memerhati gelagat dua orang pemandu: pertama Daniel, dan kedua Olivia.

Lola hendak menyokong Olivia dalam perlumbaan ini. Bukan sahaja kerana dia satu-satunya pemandu perempuan di balapan, tetapi juga kerana dia budak yang baik. Lola yakin





mereka berdua boleh berkawan. “Kalaupun aku ada telefon pintar, dapatlah aku ambil gambar dan tunjukkan kepada kawan-kawan dalam kelas,” bisik Lola, “Dapat juga mereka tengok betapa comelnya Daniel . . .”

Sementara itu, Peter asyik mengambil gambar para pemandu di litar. Dengan menggunakan fungsi penapisan yang ada dalam kamera telefon pintarnya, dia menyusun gambar-gambar tersebut dan menghantarnya kepada saudara-mara, sahabat-handai, dan rakan sekolah. Gambar tersebut disertakan ulasan lucu, yang kebanyakannya dalam bentuk komik. Dia dapat berbuat begitu kerana sebelum keluar rumah tadi, dia memuat turun aplikasi hiburan. Dia terasa seperti jurufoto profesional. Dia juga telah mengabadikan foto Midori Kuma di litar dan seronok menunjukkan kepada beruang itu yang dia boleh menukar warnanya: daripada berwarna hijau, dia menukarnya menjadi kuning, selepas itu menjadi biru dan akhir sekali merah jambu yang berkilauan.







Mata beruang itu terbeliak ketakutan lantas melihat-lihat badannya. Beruang itu menyangka warnanya benar-benar bertukar. Lola menenangkannya dengan mencium dahinya dan memeluknya erat. Selepas itu, dia meminta sepupunya mengambil swafoto bersama-sama bagi mengenangkan hari yang sangat istimewa ini.

Sedang mereka melihat hasil gambar yang sangat cantik itu dan bertanya-tanya sanak saudara mana yang hendak dikirimkan terlebih dahulu, mereka terdengar suara Pak Cik Bob lagi, “Kalian mesti ingat: Di litar, pemenang ialah pemandu yang paling pantas. Namun pada usia muda kalian, kalian kena ingat bahawa pandai memperlakukan kenderaan lebih penting daripada pandai memecut!”

Mereka bertiga tercegat di situ, tidak bersuara dan tidak mampu membalas apa-apa – malah sebenarnya – mereka kurang faham apa yang diperkatakan oleh mekanik bermisai itu. Midori Kuma pula mengangkat tangan dan memberikan tepuk ria kepada Pak Cik Bob yang tersenyum puas.





“Saya dah tahu. Rasa-rasanya dia bukan manusia, tapi makhluk asing dari planet Marikh.” kata Lola dengan yakin. Kalau tidak, masakan dia berkata sesuatu yang aneh seperti itu. Namun, Pak Cik Bob bukan makhluk dari planet Marikh. Dia hanyalah mekanik, yang baru sahaja berpuas hati dengan pemandu kegemarannya: Olivia! Gadis cilik itu secara rasmi menjadi pemandu terpanas dalam pusingan awal.

Sebaik sahaja Steve menghampiri mereka bertiga, Peter terus memberitahunya tentang kata-kata Pak Cik Bob yang aneh itu. “Oh... Betullah tu!” kata wartawan itu. “Maksud Pak Cik Bob, kamu semua tahu nak cepat sahaja. Dengan kata lain, kamu mahu melakukan banyak perkara sebelum tiba masa yang sesuai, padahal kamu belum cukup dewasa. Sedangkan kita juga perlu bergerak perlahan, supaya kita selamat.”

Peter dan Lola saling berpandangan. Mereka menjadi semakin bingung. Mengapa semua orang di situ berkata sesuatu yang aneh? Kedua-dua saudara itu kurang faham tentang bahaya yang dikatakan oleh Steve dan Pak Cik Bob serta perkara





yang perlu dihindari oleh mereka.

Sambil memikirkan hal ini, mereka bersama-sama Midori Kuma mengekori Steve ke kereta. Mereka perlu pulang ke hotel kerana bapa Lola mahu menulis rencana untuk disiarkan dalam akhbar.

Tiba-tiba Midori Kuma menghalang perjalanan mereka. Dia nampak risau sambil menggaru belakang kepalanya. Mungkin ada sesuatu yang buruk berlaku lagi. Oleh itu, mereka pun berpatah balik dan mengekori beruang itu yang melompat-lompat ke kawasan yang sepatutnya Daniel dan Max meletakkan go-kart mereka. Walau bagaimanapun, go-kart milik Max telah berada di atas go-kart milik Daniel. Kedua-dua orang budak lelaki itu bergaduh lagi.

“Tiba-tiba dia datang entah dari arah mana, tanpa membrek,” Daniel yang bengang memberitahu Pak Cik Bob. “Nasib baik saya dah keluar, kalau tidak, tentu saya dah cedera. Tengoklah apa yang dia dah buat: dah macam go-kart dua tingkat!”





“Bawa bertenang, Daniel. Kami akan bantu kamu mengangkatnya dan memeriksa sama ada kedua-dua go-kart itu okey,” Mekanik itu cuba menenteramkannya.

“Mana boleh saya bertenang! Dia tak minta maaf pun; dia tak peduli kalau saya tak boleh berlumba. Saya tak mahu sepasukan dengannya lagi,” jerit Daniel sambil menahan air mata. Dia berang melihat go-kartnya yang kemik. Namun, dia lebih bengang dengan sikap Max, yang beberapa minggu sebelum ini merupakan salah seorang kawan rapatnya.

Ibu Max memujuk anaknya supaya meminta maaf kepada Daniel. Akan tetapi, wajah anaknya kelihatan seperti tiada perasaan dan sedang mengelamun. Seolah-olah go-kartnya yang tersadai di atas go-kart rakan sepasukannya tiada kena-mengena dengannya. Dia tidak memohon maaf, sebaliknya menjerit dengan nada yang begitu marah, membuatkan semua kawannya seakan-akan tidak percaya. “Saya tak peduli dengan go-kart saya. Saya tak peduli kalau Daniel tak dapat berlumba. Saya tak peduli dengan litar ini. Faham tak? Saya dah bosan, bosan dengan semuanya!”





Ibu Max tidak tahu apa yang patut dibuat atau dikatakan. Anaknya lah yang seperti makhluk asing dari planet Marikh, bukannya Pak Cik Bob. Budak itu masih belum puas meluahkan rasa bengang: “Saya dah tak berminat menjadi pelumba go-kart! Saya dah tak suka perlumbaan go-kart lagi. Saya cuma mahu duduk di bilik dan bermain dengan kawan-kawan baharu saya. Saya mahu menjadi pemain yang hebat seperti mereka.” Dia menangis lalu bergegas dari situ, jauh daripada semua orang, namun dikejar oleh ibunya.

“Sukan ini membuatkan kita melakukan semua perkara atas semangat kelajuan, namun sepantas itu juga kita boleh keterlaluan dalam perlumbaan. Tak sangka Max boleh jadi macam ni,” kata Olivia dengan nada kesal.








“Dia terlalu leka dengan Internet dan permainan video. Dia tak tahu bila masa yang sepatutnya dia memperlahankan go-kartnya,” balas Pak Cik Bob.

“Tapi pak cik juga yang beria-ia suruh kami memecut!” kata juara cilik itu.





“Tidak, Olivia. Kamu pun tahu, perkara paling penting yang pak cik tekankan adalah supaya berhati-hati.”

Peter dan Lola mendengar sambil termangu. Sementara itu, Steve perlu membawa mereka keluar dari litar itu. Dia perlu menyiapkan rencananya walaupun apa yang dilihatnya tidaklah sehebat yang disangkakan.



Lesen kHas



“Cepat bangun! Kita kena bertolak secepat mungkin kalau nak sampai tepat pada masanya untuk menyaksikan pusingan kelayakan!”

Keesokan harinya, Steve mengejutkan kedua-dua budak itu. Mereka malas untuk bangun dan masih mengantuk walaupun jam loceng sudah berdering berkali-kali.





“Semalam ayah suruh kami perlahan kerana budak macam kami suka bergerak pantas dan itu berbahaya?!” jawab Lola dengan agak nakal.

Sebenarnya malam semalam, Peter dan Lola tidur lewat kerana dua sebab: pertama, mereka berasa amat teruja kerana katil mereka bersebelahan, jadi mereka dapat berbual dan melihat-lihat gambar yang diambil di litar pada telefon pintar Peter dan kedua, mereka bercerita tentang keterujaan mereka pada hari pertama di litar. Di depan skrin yang terang itu, kedua-dua saudara itu tidak henti-henti berbual yang seterusnya mengganggu Midori Kuma yang sedang tidur. Beruang berwarna hijau itu bingkas bangun, merapati kedua-dua kanak-kanak itu dan meletakkan tangannya pada mulut mereka, meminta mereka diam dan mematikan telefon. Kemudian Midori Kuma terlena sekali lagi. Namun hanya buat seketika kerana sebaik sahaja Lola dan Peter ketawa, beruang itu bingkas bangun sekali lagi. Yang bagus tentang Midori Kuma ialah beruang itu tidak pernah marah.

Semasa bersarapan, Peter dan Lola makan muffin, tat jem, bijirin dan susu, croissant dan sandwic daging. Selesai bersarapan, mereka pun pergi ke litar.





“Awak rasa siapa yang akan buat pusingan yang terpanas di trak hari ini?” tanya Lola yang sengaja menggunakan perkataan yang betul tetapi dengan susunan huruf terbalik.

“Yang pasti, bukan Max,” kata Peter. Jawapan yang membuat semua orang berasa terganggu.

“Banyak perkara yang aneh berlaku semalam, mana tahu hari ini lebih tenang?” kata Steve ragu-ragu.

“Mana tahu mekanik itu akan sebut tentang... alat istimewa saya?” kata Peter sambil berfikir.

“Lebih baik awak tanya apa yang dimaksudkan olehnya,” kata Lola kepadanya. Midori Kuma bertepuk tangan, setuju dengan cadangan itu.

“Saya segan,” akui Peter.

“Alah, dia baik dan penyayanglah. Awak sendiri nampak betapa dia mengambil berat tentang Olivia. Harap-harap hari ini Olivia dapat kedudukan hadapan dan esok dia dan Daniel menang.”

“Siapa yang beritahu awak tentang ‘petak hadapan?’” usik Peter. “Adakah pemandu kegemaran awak yang beritahu? Takkan awak tak tahu, hanya seorang pemandu sahaja yang boleh juara.” Peter yang ceria semula, berasa lega kerana Lola telah menukar tajuk perbualan. Sebenarnya dia agak takut untuk meminta penjelasan daripada Pak Cik Bob.





Apabila mereka kembali ke litar, Midori Kuma memaksa dia bertanya sebaik sahaja mereka terserempak dengan mekanik itu. Lagipun litar go-kart kecil sahaja, jadi agak sukar untuk mengelak seseorang. Ketika Pak Cik Bob hampir melintasinya, beruang hijau itu menolak Peter hingga nyaris melanggar lelaki itu.

“Kamu ingat ini masa untuk menarikah?” usik Pak Cik Bob. Tambahnya lagi, “Hati-hati, jangan sampai tersadung, nanti alat hebat kamu terjatuh.”

Peter tiada pilihan: “Maafkan saya, tapi kan, kenapa pak cik kata saya ada alat hebat? Saya bukan pemandu.”

“Betulkah?”

Habis, kamu panggil apa benda tu?” tanya Pak

Cik Bob sambil menuding ke arah telefon pintar Peter.

“Ini hanya telefon pintar,” jawab budak itu kehairanan.





“Hanya telefon pintar. Itu yang kamu sangka, bukan? Dengan telefon pintar ini, kamu ada suatu alat yang sangat berkuasa.”

“Kenapa?” tanya Lola terkejut. Bila mendapat tahu telefon pintar merupakan alat yang sangat berkuasa, keinginannya untuk memilikinya semakin kuat.

“Kamu nak cuba pandu go-kart, gadis cilik?” tanya Pak Cik Bob.

“Tentu sekali, pak cik!” jawab Lola dengan bersemangat.

“Bermain telefon pintar ada persamaan dengan memandu go-kart: aktiviti ini membuat kamu berasa seronok dan teruja. Kamu berasa seronok apabila mendapat mesej daripada kawan-kawan. Sentiasa memberitahu ibu bapa tentang tempat kamu berada pun ada manfaatnya. Kamu seronok menghabiskan masa dengan permainan video yang dimuat turun. Tetapi ada banyak beza juga. Misalnya, jika kamu memandu go-kart dan berlanggar, paling teruk pun kamu akan terlanggar tayar yang disusun di tepi laluan trek. Tetapi kalau kamu ‘terlanggar’ sesuatu kerana bermain telefon pintar, kamu langsung tak ada perlindungan. Dengan telefon, kamu boleh menghantar mesej,





berkongsi gambar dan video sepantas kilat. Budak seperti kamu boleh mencari apa-apa sahaja dengan Internet, tetapi ada banyak perkara yang kamu tak patut buat. Kamu tahu tak bahawa kamu tak dibenarkan menggunakan media sosial sehinggalah umur kamu 13 tahun? Sedangkan semua orang berbual dan menghantar apa-apa sahaja sesuka hati mereka. Kamu ada kawan baharu, tetapi kamu tak pernah berjumpa dengan ‘kawan digital’ ini. Kamu tak sedar bahawa banyak orang boleh mengawal kelakuan dan penulisan kamu. Ada yang mengaku sebagai kanak-kanak dan berpura-pura menjadi kawan kamu, padahal sebenarnya mereka bukan kanak-kanak, jadi mereka boleh membahayakan kamu.

Peter dan Lola terkejut. Mereka tidak menyangka nasihat itu yang didengar mereka. Tidak pernah terlintas di fikiran mereka bahawa telefon pintar boleh membahayakan seseorang.

“Tengok Olivia di sana,” tambah Pak Cik Bob lagi sambil menunjuk ke arah gadis cilik si pemilik go-kart yang sedang dilaraskan olehnya.

“Tengok Olivia di sana,” tambah Pak Cik Bob lagi sambil menunjuk ke arah gadis cilik si pemilik go-kart yang sedang dilaraskan olehnya. “Dia





sedang merakamkan video di sebelah go-kartnya dan akan menyiarkannya di profilnya. Umurnya baru 10 tahun, belum layak mempunyai profil media sosial. Sepatutnya ibu bapa bertanggungjawab memberikan perhatian yang sama seperti yang dilakukan ketika mula-mula memberikan kereta kepada anak mereka. Mereka memastikan anak mereka ada lesen memandu dan tahu peraturan jalan raya, supaya tidak berlaku perkara yang tak diingini. Kamu tahu tak apa yang pak cik selalu beritahu budak-budak?”

Peter dan Lola menggelengkan kepala.

“Pak cik beritahu yang sepatutnya lesen memandu juga diperlukan jika seseorang budak mahu memiliki telefon pintar. Setiap kanak-kanak hendaklah lulus ujian ‘memandu’ sebelum mereka dibenarkan menggunakan telefon pintar.





Dengan cara ini, mereka terpaksa belajar semua syarat penting sebelum menempuh jalan yang mencabar dan penuh liku.

“Ini cadangan yang bagus!” kata Steve yang mendengar dari tadi. “Ini idea terbaik yang saya dengar sejak datang ke litar ini. ‘Lesen memandu khas’ boleh dijadikan tajuk rencana saya. Apa pendapat kalian?”

“Nampaknya Midori Kuma bersetuju: beruang hijau kamu ni sangat pintar,” kata Pak Cik Bob sambil menuding ke arah beruang yang kemudian memberikan tepukan kepada pak cik mekanik dan wartawan itu.

“Barulah ibu bapa akan sedar bahawa mereka perlu ada bersama-sama anak mereka semasa anak mereka bermain Internet,” tambah Pak Cik Bob lagi.

“Kalau begitu, jom kita adakan ‘ujian mengendalikan telefon bimbit’,” kata Lola dengan bersungguh-sungguh. Dia menyangka jika dia lulus ujian ini, orang tuanya akan membelikannya telefon pintar. Mereka sudah beberapa kali memberitahu yang mereka tidak akan memberikan telefon pintar sebelum dia berumur 10 tahun. Namun yang pastinya, Lola tidak sanggup menunggu selama dua tahun lagi!





“Ini juga cara untuk kita menarik Max. Biar dia berasa seronok semula bergaul dengan kawan yang sebenar dan melupakan dulu kawan di alam maya,” Pak Cik Bob memberikan cadangan.

“Kita perlu cuba!” tegas Steve.

Lola, Peter, dan Midori Kuma bergegas mendapatkan Olivia untuk memberitahu tentang ujian tersebut. Dia menerima baik cadangan itu. Dia yang suka bersaing sudah tentu tidak akan menolak sembarang cabaran. Dia sentiasa mahu menang, walaupun ada masanya dia tidak perlu berbuat begitu. Lagipun dia sudah memiliki telefon pintar dan boleh menggunakannya sesuka hati. Walau bagaimanapun, dia pantas mendapatkan Daniel untuk menyampaikan perkara itu. Kemudian, Daniel pula menyampaikannya kepada pemandu lain. Hanya Max yang tiada di situ.

“Jangan haraplah....,” balas Max sebaik sahaja Olivia memberitahunya tentang cadangan itu. Namun kali ini, dia tidak marah. Budak itu nampak agak letih, lemah dan mengantuk.





Olivia tidak mudah mengalah. Dia membiarkan Max bersendirian tetapi bertekad untuk mencuba lagi nanti. Kini sudah tiba masanya untuk mereka memasuki litar: ujian kelayakan akan bermula sebentar lagi.

Setiap pemandu akan melengkapkan pusingan se pantas yang mungkin. Inilah cara untuk menentukan susunan perlumbaan: pemandu yang paling pantas akan berada di petak paling hadapan diikuti oleh yang lain-lain. Pemandu yang paling perlahan akan berada di petak paling belakang. Ini dikenali sebagai grid permulaan. Beberapa minggu yang lalu, mereka terpaksa bermula di kedudukan kedua kerana seperti biasa, Maxlah yang bermula di kedudukan paling hadapan: dia jauh lebih pantas daripada peserta lain.

Namun hari ini, tiada seorang pun yang terkejut apabila nama Max berada di kedudukan paling belakang pada kad perakam masa, malah dengan jarak yang jauh antara dia dengan peserta kedua paling perlahan.





Setelah menyaksikan para peserta memandu lebih kurang setengah jam, Lola dan Midori Kuma bergegas untuk mengetahui keputusan dan berasa gembira apabila mendapat tahu Olivia akan bermula di kedudukan paling hadapan, sementara Daniel pula berada di kedudukan keempat.

Mereka pergi mendapatkan Peter yang sedang menangkap beberapa lagi gambar untuk memberitahunya hal itu. Tatkala itu, si beruang menahan Lola dan menggaru kepalanya kerana berasa bimbang. Max dan ibunya berjalan ke arah mereka sambil berbual dengan penuh perasaan. Lola dan Midori Kuma memasang telinga, mengharapkan ibunya berjaya memujuk anaknya untuk menjalani ujian itu.







“Kenapa kita tak boleh balik lagi? Saya dah bosan berada di sini,” tanya budak lelaki itu.

“Kerana kamu juga mesti ambil ujian untuk lesen telefon bimbit kamu. Cadangan itu baik dan berguna untuk kamu,” jelas ibunya dengan nada perlahan.

“Tak nak, saya tak peduli: saya ada janji temu dalam talian untuk bermain dengan kawan-kawan baharu saya. Kalau saya tak tambah nilai telefon saya, saya tak boleh bermain!”

“Sayang, ayah dan ibu rasa ada baiknya kamu berhenti guna telefon dan main video buat sementara waktu. Kamu dah melampau-lampau.”

“Apa?!” tanya Max dengan terkejut. Dia merenung tajam wajah ibunya dan apabila tahu wanita itu tidak bergurau, dia mencampakkan topi keledarnya ke bawah dengan marah lantas berlari dari situ.

Midori Kuma terus menggaru kepala dan matanya kelihatan sedih.

“Jom kita pergi beritahu yang lain-lain bahawa Max tak mahu ambil ujian,” kata Lola dengan perlahan.



Menjalani Ujian



“Bila awak mula terlibat dengan perlumbaan tark?” tanya Lola, senang hati kerana dapat berbual-bual dengan Olivia yang baik itu.

“Tark tu apa?” tanya pemandu yang berambut perang itu sambil ketawa. Lola memberitahunya tentang perkara yang melucukan itu: dia sengaja menyebut banyak perkataan yang hampir-hampir sama dengan kart. Peter dan Midori saling berpandangan dengan rasa tidak percaya.

“Saya bermula ketika berumur lima tahun,” Olivia mula bercerita. “Bapa saya sangat meminati perlumbaan kereta. Tetapi semasa muda, dia tak berpeluang untuk menceburi bidang ini, jadi dia mencadangkan kepada saya untuk mencuba. Saya terus setuju. Tak ada benda yang tak mampu dibuat oleh orang perempuan! Lagipun lumba go-kart sangat menyeronokkan. Saya bukan hanya mahu





memandu go-kart. Sebaliknya – apa yang awak panggil tadi? – tark! Impian saya suatu hari nanti saya nak berlumba dalam Formula 1.”

“Awak memang hebat!” kata Lola dengan kagum.

“Awak pun apa kurangnya. Jom kita bergambar bersama. Nanti saya siarkan di laman sosial saya dan perkenalkan awak sebagai kawan baharu saya. Kalau awak beri nombor telefon awak, saya akan hantar kepada awak supaya awak pun boleh letak dalam profil awak.”

“Bagus juga tu, Olivia. Tapi sayang, saya tak ada telefon pintar.”

“Biar betul? Nak tunggu sampai bila?” tanya Olivia dengan hairan.

“Ibu bapa saya rasa terlalu awal untuk saya memilikinya. Saya kena tunggu sehingga saya berumur 10 tahun,” rungut Lola.

“Kasihlah awak!” kata Olivia. “Cuba lihat bilangan tanda suka yang saya dapat apabila saya muat naik gambar perlumbaan. Saya bukannya nak puji diri sendiri, tapi gambar-gambar yang saya ambil sangat cantik.





Tak ada budak perempuan lain di sekolah saya yang boleh menari dengan pakaian lumba dan kereta sendiri. Cuba tonton video ini. Seolah-olah seorang budak lelaki keluar dari go-kart, lepas tu saya tanggalkan topi keledar: nampak rambut saya yang panjang. Macam ada kesan khas kan?!”

“Bertuah awak...” keluh Lola yang begitu terpesona.

Midori Kuma menggeleng-geleng kepala. Dia berasa bimbang. Dia mahu mengalihkan perhatian kawannya itu. Namun, sahabatnya itu seakan-akan terpukau oleh Olivia yang nampaknya sudah ada cara untuk membantu kawan baharunya itu.

“Lola, saya ada suatu cadangan! Awak kena buat macam ni. Minta Peter beri kata laluan kepada awak, supaya awak boleh guna media sosial melalui profilnya.”





Sementara itu, Steve yang diminta datang oleh si beruang berwarna hijau itu tiba di situ dan sempat mendengar nasihat yang diberikan kepada anaknya. “Olivia, sanggup tak kamu meminjamkan berus gigi kamu kepada kawan kamu?” tanya wartawan itu.

“Yek, kotor! Memang taklah!”

“Ha... Tau pun! Ingat, kita kena anggap kata laluan kita tu macam berus gigi. Kata laluan sangat sulit dan tak boleh dikongsikan dengan orang lain. Jika ada orang mahu mengenakan kamu, mereka boleh membuat hantaran kata-kata atau gambar yang pelik-pelik atau memalukan di profil kamu. Kalau sudah jadi begitu, sukar untuk kamu buktikan bahawa bukan kamu yang membuat hantaran itu.”

“Alamak, saya tak terfikir tentang itu,” kata Olivia sambil membayangkannya.

Kini tiba masa untuk kudap-kudapan. Kebiasaannya, ibu bapa para pemandu akan membawa minuman, sandwic dan kuih-muih untuk diberikan kepada kanak-kanak selepas selesai pusingan kelayakan.





Di luar litar, tiada lagi persaingan dan masing-masing kembali menjadi kanak-kanak seperti biasa. Walau bagaimanapun, kali ini Pak Cik Bob membuat suatu pengumuman. Setelah mereka selesai makan, dia mahu mengadakan ujian untuk lesen khas. Semua kanak-kanak berasa agak cemas: Daniel bimbang kerana dia menyangka dia perlu menjawab soalan matematik, lalu dia pun terus menghafal sifir. Dia belum ingat sifir lapan.



“Bawa bertenang,” Pak Cik Bob menenteramkannya sambil ketawa. “Bila guna telefon, kalian hanya perlu tahu nombor sifar hingga sembilan.” Kemudian dia pergi ke pejabat pengurus litar yang menyediakan kad-kad kecil untuk dijadikan lesen khas.





Apabila semua kanak-kanak berkumpul di bahagian litar yang mempunyai laluan lurus, Pak Cik Bob pun menjelaskan bahawa mereka akan bermula di garisan yang sama dan sesiapa yang dapat memberikan jawapan yang terbaik akan dinaikkan kedudukannya, sehingga mereka semua dapat membentuk grid permulaan yang baharu.

“Dah bersedia semua?” tanya mekanik itu.

“Beluuuum!” jawab kanak-kanak, menyakatnya.

“Jom kita mula! Nah, ini soalan pertama: semasa kamu bermain permainan video dalam talian dengan orang yang tak dikenali, bolehkah kamu beritahu dia nama kamu, tempat tinggal kamu, nama sekolah kamu?”

“Tak boleh!” Daniel yang pertama menjawab. “Sebab mungkin dia bukan kanak-kanak dan orang itu boleh mencari saya. Keadaan ini membahayakan.” “Syabas! Jawapan yang tepat! Kamu boleh maju selangkah ke hadapan,” kata mekanik itu kepadanya. Kemudian dia menyambung: “Bolehkah kamu menghantar gambar foto atau video tentang orang lain tanpa kebenaran mereka?”

Semua terdiam. Kali ini mereka tak dapat jawab. Midori Kuma melompat-lompat dan menggeleng-geleng kepala.





“Satu markah untuk si beruang hijau. Ayuh, datang ke depan!” kata Pak Cik Bob sambil mengenyit mata kepadanya.

Midori Kuma memandang sekeliling sambil tercengang. Dia tidak berniat untuk turut serta dalam ujian lesen, tetapi oleh sebab dia telah menunjukkan tanggapan yang baik, dia mula berasa seronok dan mahu meneruskannya.

Jelas Pak Cik Bob: “Membuat hantaran gambar foto atau video orang lain tanpa kebenaran mereka adalah dilarang sama sekali!” kemudian dia bertanya lagi: “Bolehkah kamu bertemu dengan orang yang kamu kenali melalui perbualan Internet?”

“Boleh,” jawab Lola, tanpa memberikan sepenuh perhatian kepada soalan itu. Tetapi apabila terpandang wajah bapanya yang kelihatan kecewa dan Midori Kuma yang menggaru kepalanya, dia sedar bahawa dia telah “bertindak terlalu pantas” sehingga “merempuh” peraturan penting. Impiannya untuk memiliki telefon pintar melayang dengan pantas, lebih pantas daripada go-kart yang meluncur.

“Maaf Lola, kamu kena mundur,” kata Pak Cik Bob.





Kemudian, dia menambah: “Memang seronok kalau kita dapat kawan baharu. Telefon pintar memudahkan kita mendapat kenalan baharu, tetapi kalian perlu sangat berhati-hati: ada orang jahat yang bersembunyi di sebalik identiti palsu. Jadi, kamu semua jangan lupa.” Kemudian, dia segera menyambung: “Dalam sehari, berapa lamakah kalian boleh bermain permainan video atau menggunakan telefon pintar?”

“Tiga jam,” jawab Olivia sengaja melebihi-melainkan masa.

“Dua jam?” Peter mencuba nasib.

“Sepanjang hari,” jerit seseorang dengan yakin.

“Kalian jangan berlebih-lebih. Pada umur seperti kamu, pada pendapat pak cik, sejam sehari sudah lebih daripada cukup,” kata Pak Cik Bob. Kemudian, dia bertanya soalan lain lagi. “Ketika kamu bermesej, bolehkah kamu menulis apa-apa sahaja yang kamu mahu?”

“Tak boleh. Kita kena berhati-hati memilih kata. Kalau tidak, kita mungkin menyinggung perasaan ataupun menyakiti hati orang lain,” jawab Daniel sekali lagi.

“Kamu memang hebat,” kata Pak Cik Bob.





Apabila Daniel mara selangkah lagi, lelaki bermisai itu bertanya lagi: “Bolehkah kita menghina orang lain di media sosial jika identiti kita tidak diketahui oleh orang lain?”

“Itu perbuatan yang salah, tetapi saya dengar mustahil untuk kita dikesan,” Lola cuba menjawab, walaupun dia kurang pasti.

“Hanya separuh pertama jawapan kamu betul. Jadi pak cik tak akan suruh kamu maju semula.” Pak Cik Bob memberitahunya. “Dalam talian, tak ada siapa yang tak bernama. Pakar keselamatan komputer boleh mengesan siapa yang menghantar cacian dan ugutan. Jadi, jika kalian menerima mesej yang jahat, jangan risau. Orang yang melakukan kesalahan itu boleh dikenal pasti dan diambil tindakan.”

Selepas diajukan beberapa soalan lagi, yang jawapannya boleh dikatakan betul, Daniel muncul sebagai pemenang, tetapi Pak Cik Bob memberikan lesen kepada semua orang. Termasuk Midori Kuma yang membantunya dalam ujian khas ini.

“Pak cik harap kalian akan lebih berwaspada.





Cuma ada satu lagi perkara pak cik nak tanya kepada kalian, memandangkan kita semua berada di litar ini. Adakah kamu akan membiarkan orang yang tak dikenali menaiki kereta kamu?”

“Taaak!” jawab Lola, Peter dan yang lain-lain serentak.

“Bagus. Kalau kita tak mahu orang yang tak dikenali masuk ke dalam kereta kita, maka kita juga jangan biarkan orang asing masuk dalam kehidupan kita. Paling penting, kita jangan habiskan terlalu banyak masa di depan skrin. Memang peranti ini hebat, boleh membantu kita belajar dan mengetahui banyak perkara. Tetapi ada kalanya peranti ini boleh membahayakan dan memisahkan kita daripada dunia sebenar. Kalian lihat apa yang terjadi kepada Max. Kalau dia tak menghabiskan banyak masa dengan telefon pintar dan permainan video, tentu dia tak akan hilang minat dengan perkara yang disukainya selama ini.”







Sekembalinya mereka ke hotel, Lola, Peter, dan Midori Kuma dengan bangganya saling bertukar lesen, membaca nama yang tertera padanya dan berborak tentang persoalan yang rumit. Peter bertanya, “Betulkah Max berkelakuan pelik kerana menghabiskan terlalu banyak masa di depan skrin?”

“Ingat tak semasa kita berbual tentang makanan olok-olok. Pak cik beritahu kamu ada benda yang tak boleh nampak dengan mata, tapi boleh memudaratkan kita?” tanya Steve.

“Ingat, pak cik. Pak cik kata macam tu semalam, semasa kita dalam perjalanan ke litar.”

“Peter, perkara yang terjadi pada Max itulah maksud pak cik. Dalam kepalanya, masa yang dihabiskan itu ibarat sebiji kek yang semakin besar. Kek itu menjadikannya gemuk dalam erti kata dia sukar bergerak, malas dan tak bertenaga untuk melakukan perkara lain.

“Ibarat dia tersilap isi minyak kereta lalu enjinnya rosak,” kata Peter.

Ketika itu, telefon bimbit Peter berbunyi. Panggilan itu daripada nombor yang tidak dikenali dan dia serba salah untuk menjawab ataupun tidak. Selepas mendengar amaran tentang orang tidak dikenali mungkin berbahaya, dia berasa bimbang.

“Jangan risau, pak cik ada di sini,” Steve menenteramkannya.





“Hai, Olivia ni! Tolong pasang pembesar suara supaya Lola boleh dengar.” Suara yang halus dan nyaring milik gadis berambut perang yang periang itu membuat semua orang tersenyum.

“Ada apa tu, awak?”

“Saya cuma nak beritahu awak yang saya ada satu cadangan. Saya ada rancangan hebat dan saya bercadang untuk buat kejutan dalam perlumbaan esok. Jadi, bersiap sedialah!” Dia terus mematikan talian kerana tidak mahu terlepas cakap.

“Entah apa yang difikirkannya?” Lola sudah teruja. Sementara itu Midori Kuma menggaru perutnya dengan senang hati. Dia yakin sesuatu yang istimewa akan berlaku.



PeRLUMBAan Yang Hebat



Kemenangan pertama telah pun dicapai. Semasa makan malam, Lola dapat makan piza dan kentang goreng yang sangat diidamkannya. Perutnya sedikitpun tidak meragam! Namun, dia tidak makan pencuci mulut, itu syarat yang dikenakan oleh ayahnya. Sementara itu, selepas Peter makan pasta, dia makan semangkuk besar aiskrim dengan perisa kegemarannya iaitu coklat, kacang hazel, berserta krim putar yang menggunung. Seperti biasa, Midori Kuma menawarkan pencuci mulut olok-olok kepada Lola agar makan malamnya berakhir dengan yang manis.

Seperkara sahaja yang dibualkan di meja makan pada malam itu. Apakah yang dirancang oleh Olivia, si budak geliga itu?

“Jangan-jangan Pak Cik Bob pasang roket pada enjin karl Olivia, supaya dia boleh memecut laju meninggalkan pemandu lain dan menang,” kata Lola.





“Sudah tentu. Ayah yakin esok kita akan menonton perlumbaan skrat, iaitu kart berkuasa enjin roket yang tersohor, “kata bapanya sambil ketawa.

“Apa yang pak cik kata? Esok akan ada banyak kar di litar,” tambah Peter.

Mereka mengemukakan beberapa andaian tentang cadangan Olivia yang geliga itu. Peter kata, budak cilik itu mungkin akan menjemput juara Formula 1 yang terkemuka ke litar. Lantas Lola menambah dengan membayangkan: “Juara dunia itu datang dan memilih seorang pemandu untuk dibawa bersamanya.”

“Kena culikkah?” usik Steve.

Mereka turut memperkatakan rekaan sebuah go-kart baharu yang tiada tandingan. Go-kart itu berkuasa tinggi kerana terdiri daripada dua buah go-kart, iaitu go-kart milik Daniel dan Max yang bertindan lalu menjadi sebuah go-kart.

Walaupun demikian, sebenarnya tiada satu pun andaian mengarut ini dapat membuatkan mereka berasa benar-benar yakin. Sementara itu, Midori Kuma memasang telinga dari tadi. Beruang itu kemudian memberikan isyarat tangan seperti meminta semua orang bertenang. Malah setiap kali ramalan yang berkaitan dengan teknologi diperkatakan, Midori Kuma akan menggeleng kepala.






“Midori sayang, awak faham tak apa yang kami bualkan?” Lola bertanya kepadanya dalam keadaan sudah mengantuk. Beruang itu mengangguk tanda faham, lalu menyentuh dadanya diikuti oleh dada Lola dan Peter.

“Apa yang awak nak beritahu?” tanya gadis itu lagi sambil menguap, berasa amat letih.

“Ayah rasa itu tanda dia sayang kamu,” jelas Peter, kemudian mencium kedua-dua kanak-kanak itu pada dahi dan mengusap-usap Midori. Seperti biasa, Midori sudah terlelap!





MIDORI KUMA DAN PERLUMBAAN YANG SANGAT ISTIMEWA


Keesokannya apabila mereka tiba di litar, mereka tidak nampak apa-apa yang pelik. Hari Ahad yang cerah dan indah. Para ibu bapa berbual-bual perlahan sesama mereka, dan sekali-sekali memeriksa go-kart anak mereka. Pendek kata, suasana sangat tenang. Bukan suasana seperti dijangka oleh Steve yang pernah menemu bual ibu bapa di situ. Sebenarnya, ibu bapa yang lebih cemas berbanding anak mereka yang masih mentah, tidak berasa risau sangat tentang perlumbaan itu. Walaupun mereka kerap mengingatkan anak-anak supaya mereka





berlumba dengan berseronok dan melakukan yang terbaik, hakikatnya mereka mahu melihat anak masing-masing menang dan menjulang piala kejuaraan di podium.

Cuma yang agak tegang ialah Max dan ibunya. Dari tempat Lola, Peter, dan Midori Kuma duduk untuk menyaksikan perlumbaan itu, mereka terdengar bekas juara itu mengingatkan: “Ini kali terakhir saya turut serta. Seperti yang saya jelaskan kepada ayah melalui telefon semalam, masa depan saya dengan roda empat sudah berakhir.”





“Baiklah. Kamu pun tahu kan, tak ada siapa memaksa kamu buat sesuatu yang kamu tak nak buat, kecuali belajar. Jadi cubalah berseronok dan bergaul mesra dengan kawan-kawan.”

Max tidak menjawab, lantas mengenakan topi keledarnya dan menarik go-kartnya ke arah balapan. Bahkan, dia tidak membalas sapaan rakan sepasukannya, Daniel, yang sekali lagi cuba untuk berbaik-baik.

Ketika Steve duduk di sebelah anak dan anak saudaranya sambil menulis catatan akhir untuk rencananya, tiba-tiba Midori Kuma menutup buku notanya, memberikan isyarat supaya dia menunggu.

“Adakah kamu rasa jalan cerita pak cik akan berubah?” wartawan itu bertanya kepadanya. Sebagai tindak balas, si beruang menggaru perutnya dengan riak wajah bersahaja.

Seketika kemudian, Olivia muncul di hadapan mereka dengan senyuman yang berseri-seri.

“Hai, kamu dah bersedia untuk menyaksikan perlumbaan yang berbeza pagi ni? Dia bertanya kepada mereka dengan wajah nakal kerana mahu membuat kejutan.

“Jangan-jangan awak pasang roket pada kart awak?” kata Lola.





“Apa tadi? Kamu dah boleh sebut ‘kart’, nampaknya kamu pun dah bersedia untuk memandu juga!” kata Pak Cik Bob yang membantu Olivia meletakkan go-kartnya di garisan permulaan.

“Tentu sekali saya dah bersedia. Saya pun dah ada lesen!” kata gadis itu sambil menyangkan kad yang diperoleh selepas menjalani ujian semalam.

Semua pemandu bersiap sedia di garisan permulaan. Seorang lelaki yang tinggi lampai berdiri di sisi litar bersebelahan go-kart yang pertama dan menjulang bendera. Dia ialah pengarah perlumbaan. Apabila dia menurunkan bendera, kereta boleh mula berlumba. Bunyi enjin begitu kuat kerana semua orang bersiap-siap untuk memecut.

Tidak semena-mena, Lola, Peter, dan Midori Kuma saling berpegangan tangan: mereka sangat berdebar dan teruja kerana ini perlumbaan yang pertama buat mereka. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja lelaki tersebut menurunkan bendera, ketiga-tiga mereka berasa sangat hampa. Semua pelumba bermula dengan sangat perlahan, sedangkan semasa latihan, mereka memandu jauh lebih laju. Apa yang sedang berlaku?







“Saya tahu kenapa jadi begini. Semalam Pak Cik Bob berpesan kepada kita supaya berjaga-jaga dengan telefon pintar. Jadi, sekarang mereka guna kaedah yang sama,” Peter memberikan pendapat.

Midori Kuma menggeleng kepala dan terus menggaru perutnya dengan senang hati.

“Awak perasan tak, mereka yang berada di hadapan lebih perlahan daripada yang di belakang?” kata Lola.

Olivia dan pesaing lain yang paling pantas dalam pusingan kelayakan nampaknya seolah-olah sedang memandu secara santai pula hari ini. Di bahagian belakang, pergerakan lebih pantas. Sungguhpun Max tidak berminat lagi dalam pertandingan ini, dia menggunakan kesempatan ini untuk memintas pemandu lain. Mula-mula ada yang berusaha untuk tidak dipintas, tetapi kemudiannya menepi dan membiarkan Max memintas.

Steve membuka buku notanya dan mencatat sesuatu. Dia mengesyaki sesuatu dan tindak-tanduk ibu bapa para pemandu membuat dia semakin yakin: mereka tidak menyorak anak masing-masing, sebaliknya memberikan sokongan kepada Max supaya memintas pelumba lain.






“Kamu nampak tak?” tanya Steve kepada Midori Kuma, yang kemudiannya mengangguk lega.

“Nampak apa?” Lola dan Peter ingin tahu.

“Tunggu dan lihat . . .”

Setelah empat pusingan, kedudukan Max meningkat daripada tempat terakhir kepada tempat ke-10. Dia kini berada di tengah-tengah. Keinginan untuk memintas pemandu lain membangkitkan semula semangatnya yang telah hilang dan membuat dia berasa seronok semula. Max mula memandu seperti lazimnya, menekan injak pemecut ke tahap maksimum. Pemandu-pemandu di hadapannya lantas sedar apa yang berlaku dan kali ini mereka tidak lagi sengaja memandu perlahan. Mereka cuba memecut dan berlakulah pertarungan yang sebenar. Max menemui semula perasaan menjadi jaguh yang sukar ditandingi, malah dia melakukan beberapa percubaan yang hebat dan ada kalanya sengit semasa memintas lawannya. Misalnya, Daniel berusaha untuk mengelak dipintas sedaya yang mungkin, tetapi berjaya juga dipintas ketika melalui jalan yang lurus. Selepas lapan pusingan, Max berada di tempat ketiga. Olivia dapat melihatnya melalui cermin. Gadis berambut perang itu tahu rancangannya sudah berjaya dan membisikkan ucapan tahniah kepada diri sendiri.







“Kamu betul-betul geliga, tapi sekarang, kamu jangan mengalah tanpa bertanding!”

Selepas dua pusingan lagi, Max berada di belakangnya dan menggunakan pelbagai cara untuk memintasnya. Olivia bertahan dengan memandu secara zig-zag untuk mengelirukan Max.

Jantung Lola berdegup kencang dan dia berasa amat teruja. Terutama apabila melihat kawannya itu memberikan saingan hebat. “Ayuh Olivia, jangan mengalah!” Dia menjerit dengan sekuat hati.

Malangnya, jeritan itu tidak membantu kerana di selekoh terpentas, Max berjaya memintas Olivia dan mendahului perlumbaan itu. Pada pusingan akhir, di hujung jalan lurus ketika pengarah perlumbaan mengibarkan bendera pelepas, Max meraikan kemenangan seperti yang biasa dilakukan olehnya selama ini. Dia berasa gembira kerana menang sekali lagi. Kali ini, dia benar-benar berasa seronok dan menemui semula nikmat perlumbaan. Malah, selepas keluar daripada kereta, dia tidak lagi mahu bergegas pulang untuk bermain permainan video, tetapi terus berada di situ untuk menyertai majlis di podium, bersama dengan hadiah, piala dan tepukan yang bergemuruh.

Semasa Max dihujani ucapan tahniah daripada pemandu-pemandu lain, dia berasa amat terharu.





Ibunya mengucapkan terima kasih kepada semua yang ada di situ. Wanita itu juga faham perancangan yang dibuat. Olivia menceritakan rancangannya kepada Lola dan Peter. “Saya minta supaya semua yang lain memandu perlahan dan biarkan Max memotong kami agar dia mempunyai kedudukan yang baik lalu mendorongnya untuk menang sekali lagi. Saya tahu minatnya terhadap lumba kereta, jadi saya yakin dia masih ingat betapa seronoknya mendapat tempat teratas. Malah, dalam separuh masa kedua perlumbaan, kami tidak berpura-pura lagi. Memang Max menang kerana bakat yang ada padanya!”

Max juga merasakan pelumba lain memasang perangkap untuknya. Namun perangkap yang cukup manis! Dia sangat bersyukur kerana kawan-kawan sejatinya tidak menyisihkannya walaupun dia menunjukkan perangai buruk. Dia juga sedar perasaan sehebat itu sukar diperoleh di dunia maya.

“Saya lebih suka awak jika awak memandu perlahan,” ujar Olivia sambil mengenyitkan mata kepadanya. “Sekurang-kurangnya sekali-sekala dapatlah saya jadi juara!”





“Simpan medal awak tu. Piala ini yang sepatutnya jadi milik awak. Awaklah jaguh dalam persahabatan,” balas Max sambil memberikan piala itu kepadanya.

“Kenapa dua orang ini dah dapat lesen semalam tapi tak ada go-kart?” tanya Pak Cik Bob sambil menunjuk ke arah Lola dan Peter.

“Itulah masalahnya sekarang,” balas Steve.

“Kalau begitu, mari ikut saya,” arah Pak Cik Bob sambil menuju ke arah litar yang terletakinya tiga buah go-kart.“

Bolehkah kami cuba memandu?” tanya Lola dengan teruja.





“Wah, seronoknya!” kata Peter dengan nada kagum.

“Selepas kamu pakai topi keledar dan baju, serahkan telefon pintar kamu kepada pak cik. Kalau tidak, siapa yang akan ambil gambar semasa kamu memandu seperti jaguh nanti?” kata Pak Cik Bob.

“Serahkan telefon saya kepada pak cik?! Kita baru tiga hari jumpa. Saya kan belum betul-betul kenal pak cik,” jawab Peter, berpura-pura serius dan risau.

“Bagus, nampaknya kamu dah faham!” kata Pak Cik Bob sambil ketawa. Lola tiba-tiba mencelah. “Kenapa ada tiga buah go-kart di sini?”

“Kalian nak suruh dia berjalan kaki? Mestilah dia nak ikut sama,” balas Steve.

“Siapa?” Kedua-dua budak itu bertanya lagi sambil memandang ke arah balapan.

Kelihatan Midori Kuma sudah berada di dalam go-kart, siap memakai topi keledar. Dia telah bersedia untuk memandu dengan laju!



Lesen Istimewa


**SUDAHKAH KAMU MENJAWAB SEMUA SOALAN PAK CIK BOB?
MIDORI KUMA SUDAH BERSEDIA UNTUK
MEMBERIKAN LESEN KHAS KEPADA KAMU!**

**BUAT SALINAN LESEN YANG TERDAPAT PADA HALAMAN SEBELAH
DAN ISI BUTIRAN YANG DIPERLUKAN.**



ISI BUTIRAN KAMU DI SINI!

LESEN KHAS



NAMA PENUH

.....

TEMPAT DAN TARIKH LAHIR

.....

KEWARGANEGARAAN

.....

**TAMPAL GAMBAR FOTO ATAU
LUKIS GAMBAR KAMU!**

MIDORI KUMA ialah seekor BERUANG yang sangat istimewa.
BERUANG ini memiliki sifat ingin tahu, sopan dan sangat bijak.
MIDORI KUMA sentiasa BERSEDIA MENGHADAPI apa-apa jua CABARAN
BERSAMA temannya, LOLA dan Peter . . .
ADAKAH KAMU BERSEDIA UNTUK MENYERTAINYA?

Sebaik sahaja bapanya pulang dari tempat kerja, **Lola**, yang berambut merah dan sangat lincah itu tahu bahawa ada sesuatu yang hebat akan berlaku... **Steve**, yang bertugas sebagai wartawan, merancang untuk membawa Lola dan sepupunya, **Peter** serta teman baik mereka **MIDORI KUMA**, untuk mengetahui rahsia litar go-kart. Lola tidak sabar-sabar lagi untuk merakam segala-galanya dengan telefon pintar yang sangat hebat milik sepupunya... Namun ketika di sana, dia mendapati bahawa tidak semuanya berjalan lancar antara para pemandu licik di litar. Akhirnya, Midori dan mekanik yang baik hati bernama **Pak Cik BOB** menasihati Lola dan Peter bahawa bukan sahaja kenderaan perlu dikendalikan dengan bijak, malah teknologi juga perlu dikendalikan dengan baik!

